

KEMPEN PB JOURNEY APP BOOSTER TERMA DAN SYARAT

Kempen PB Journey App Booster (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000672 (6463-H)) (“PBB”). Terma dan syarat di bawah akan mengawal Kempen ini (“Terma dan Syarat”).

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 September 2022 hingga 30 November 2022**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut atau tarikh lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa (“Tempoh Kempen”).

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang akaun Simpanan WISE baharu atau sedia ada (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Peserta yang Layak berumur di bawah 18 tahun perlu mendapatkan keizinan daripada ibu bapa / penjaga sah mereka untuk menyertai Kempen ini.
- 2.3 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk menyertai bagi pihak kanak-kanak dalam Kempen ini:-
 - a) kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad;
 - b) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
 - c) orang yang tidak waras;
 - d) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadapnya; dan
 - e) orang yang akaunnya yang dipegang dengan PBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB.

3. Produk dan platform yang layak

3.1 Produk dan platform yang layak di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

| Bil. | Produk dan Platform yang Layak |
|------|---|
| 1. | Akaun Simpanan WISE (“WISE”) * |
| 2. | Deposit Tetap PLUS (“FD PLUS”) * |
| 3. | Aplikasi Mudah Alih PB Journey (“Aplikasi”) # |

* WISE dan FD PLUS dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Aplikasi ini adalah aplikasi mudah alih bukan kewangan yang dilancarkan oleh PBB yang boleh dimuat turun daripada Apple App Store, Google Play Store dan HUAWEI AppGallery.

4. Hadiah Alu-aluan

4.1 Peserta yang Layak dikehendaki membuat **SEMUA** yang berikut semasa Tempoh Kempen untuk layak mendapat Hadiah Alu-aluan:

- a) mendaftar dengan jayanya untuk Aplikasi tersebut;
- b) mengekalkan amaun minimum sebanyak RM100 dalam Wang Saku mereka sepanjang Tempoh Kempen; dan
- c) mewujudkan dan menyelesaikan sekurang-kurangnya satu (1) Matlamat dengan amaun minimum sebanyak RM30 sepanjang Tempoh Kempen.

4.2 **Seratus (100) Peserta teratas yang Layak** yang memenuhi semua kriteria yang dinyatakan dalam Fasal 4.1 dengan baki tertinggi yang disenggara dalam Wang Saku mereka pada akhir Tempoh Kempen layak untuk Hadiah Alu-aluan tersebut, yang merupakan e-baucar Shopee bernilai RM50 (“Pemenang Hadiah Alu-aluan”).

4.3 Setiap Peserta yang Layak hanya layak untuk menang satu (1) Hadiah Alu-aluan sepanjang Tempoh Kempen.

Terma Khusus bagi Hadiah Alu-aluan

4.4 Setiap Hadiah Alu-aluan sah untuk satu (1) kali penebusan sahaja.

- 4.5 Pemenang Hadiah Alu-aluan akan menerima Hadiah Alu-aluan melalui khidmat pesanan ringkas (“SMS”) atau cara lain yang akan ditentukan dengan sewajarnya oleh PBB dari semasa ke semasa. SMS itu akan dihantar melalui nombor telefon mudah alih yang didaftarkan dengan PBB atau yang ditunjukkan dalam sistem PBB dalam tempoh dua puluh (20) minggu selepas tamatnya Tempoh Kempen atau tarikh lain seumpamanya sebagaimana yang dianggap wajar oleh PBB dari semasa ke semasa.
- 4.6 Hadiah Alu-aluan juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh Shopee Mobile Malaysia Sdn Bhd dari semasa ke semasa.
- 4.7 Pemenang Hadiah Alu-aluan tidak layak untuk Hadiah Alu-aluan di bawah Kempen ini sekiranya berlaku peristiwa yang berikut:-
- a) Profil Aplikasi Pemenang Hadiah Alu-aluan dipadamkan; dan/atau
 - b) WISE Pemenang Hadiah Alu-aluan ditutup, ditukarkan, digantung, dibatalkan atau ditamatkan,
- sebelum Hadiah Alu-aluan diserahkan kepada Pemenang Hadiah Alu-aluan.
- 4.8 Hadiah Alu-aluan di bawah Kempen ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukarkan dengan tunai pendahuluan, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya.
- 4.9 PBB berhak untuk menggantikan Hadiah Alu-aluan, sama ada sebahagian atau sepenuhnya, dengan apa-apa produk atau bawahan lain yang sama nilainya pada bila-bila masa.
- 4.10 PBB berhak untuk menarik balik Hadiah Alu-aluan sekiranya Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk dan Platform yang Layak dan/atau aplikasi mudah alih PB engage (“PB engage”) tidak dipatuhi oleh Peserta yang Layak bagi tujuan Kempen ini.
- 4.11 Pemenang Hadiah Alu-aluan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai, kos sampingan dan/atau caj lain berkaitan dengan Hadiah Alu-aluan ini. PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa cukai, kos sampingan, caj yang ditanggung oleh Pemenang Hadiah Alu-aluan dan/atau Hadiah Alu-aluan yang tidak diterima oleh Shopee Mobile Malaysia Sdn Bhd.

5. Kadar Faedah Promosi FD PLUS

- 5.1 Peserta yang Layak dikehendaki memenuhi kriteria yang berikut semasa Tempoh Kempen untuk layak kadar faedah promosi 3 bulan FD PLUS seperti yang dinyatakan dalam Fasal 5.2 di bawah:

Untuk Peserta yang Layak yang tidak mempunyai WISE:

- i. membuka WISE dengan deposit permulaan minimum sebanyak RM500;
- ii. mendaftar dengan jayanya untuk Aplikasi tersebut; dan
- iii. mengekalkan amaun minimum sebanyak RM100 dalam Wang Saku pada tarikh peletakan FD PLUS.

Untuk Peserta yang Layak yang telah mempunyai WISE:

- i. menambah WISE mereka yang sedia ada dengan deposit minimum sebanyak RM500;
- ii. mendaftar dengan jayanya untuk Aplikasi tersebut; dan
- iii. mengekalkan amaun minimum sebanyak RM100 dalam Wang Saku pada tarikh peletakan FD PLUS.

- 5.2 Peserta yang Layak yang memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Fasal 5.1 dan membuat peletakan semasa Tempoh Kempen akan layak untuk kadar faedah promosi FD PLUS yang berikut:

Untuk tempoh kempen dari 1 September 2022 hingga 19 September 2022:

| Tempoh | Kadar Faedah Promosi (% setahun) |
|---------|----------------------------------|
| 3 bulan | 2.60 |

Untuk tempoh kempen dari 20 September 2022 hingga 30 November 2022:

| Tempoh | Kadar Faedah Promosi (% setahun) |
|---------|----------------------------------|
| 3 bulan | 2.70 |

- 5.3 Peletakan FD PLUS tertakluk pada amaun peletakan minimum dan maksimum seperti yang berikut:

| Minimum | Maksimum |
|----------------------|------------------------------------|
| RM5,000 setiap resit | RM1 Juta setiap Peserta yang Layak |

- 5.4 Pemegang akaun untuk WISE dan FD PLUS mestilah dalam nama individu yang sama.

- 5.5 Semua wang atau dana yang diletakkan di bawah FD PLUS mestilah dana baharu. “Dana baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya daripada dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang hanya oleh seorang atau bersama-sama dengan orang lain dan disenggara dengan PBB atau PIBB. Peserta yang Layak mesti membuat peletakan deposit dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana itu dipindahkan atau dikreditkan dalam akaun Peserta yang Layak, jika tidak wang atau dana itu tidak lagi dianggap sebagai “dana baharu”.
- 5.6 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan berganda dalam resit berganda tertakluk pada amaun minimum Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) setiap resit dan sehingga amaun maksimum Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000) setiap Peserta yang Layak.
- 5.7 Faedah dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 5.8 Peletakan FD PLUS hanyalah untuk 3 bulan sahaja. Kadar faedah promosi diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. FD PLUS akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh selama 3 bulan pada kadar faedah kaunter semasa PBB dengan faedah FD PLUS ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan dalam WISE yang ditentukan apabila matang.
- 5.9 Apabila matang, faedah FD PLUS akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan ke dalam WISE yang ditentukan milik Peserta yang Layak menurut peraturan pengendalian biasa PBB bagi pengkreditan faedah FD PLUS dalam Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (CASA).
- 5.10 **Apa-apa peletakan FD PLUS yang dibuat di bawah Kempen ini yang dikeluarkan sebelum matang tidak layak untuk apa-apa faedah.**

Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan FD PLUS diperbaharui.

- 5.11 Pengeluaran sebahagian peletakan FD PLUS **tidak** dibenarkan.
- 5.12 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan FD PLUS mesti dibuat dengan memberi arahan yang jelas dan tepat secara bertulis dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatangan dibenarkan pemegang akaun yang berkaitan berkenaan dengan pengeluaran dan pelupusan peletakan tersebut. PBB berhak untuk menolak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen berkenaan, pada pandangan PBB, berbeza daripada contoh tandatangan dalam sistem PBB. Semua pindaan arahan seumpama itu hendaklah disahkan oleh penandatangan dibenarkan yang mana tandatangan ini hendaklah mengikut contoh tandatangan dalam sistem PBB.

- 5.13 Apa-apa peletakan FD PLUS yang dibuat di bawah Kempen ini tidak akan disandarkan sebagai cagaran bagi apa-apa overdraf atau apa-apa kemudahan.
- 5.14 Kempen ini **tidak** sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB.

6. Terma dan Syarat Am

- 6.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk dan Platform yang Layak dan/atau PB engage (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat tersebut). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk dan Platform yang Layak dan/atau PB engage, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 6.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan diwajibkan untuk memberi apa-apa alasan atau melayani apa-apa rayuan, bantahan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kempen ini dan/atau Hadiah Alu-aluan.
- 6.3 Sekiranya Peserta yang Layak adalah Kanak-kanak,
- a) ibu bapa / penjaga sah Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan mereka kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat mereka dan maklumat Peserta yang Layak bagi tujuan Kempen ini;
 - b) ibu bapa / penjaga sah Peserta yang Layak memberi keizinan mereka kepada Peserta yang Layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini dan bersetuju bahawa Terma dan Syarat ini akan diterima pakai berkaitan dengan penyertaan Peserta yang Layak dalam Kempen ini.

- 6.4 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan mahupun menerima apa-apa liabiliti bagi apa-apa bentuk dan apa sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak, ibu bapa / penjaga sah Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini dan/atau Hadiah Alu-aluan, kecuali dibuktikan bahawa ia adalah disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 6.5 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan dan/atau bertanggungjawab bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini dan/atau Hadiah Alu-aluan yang ditawarkan dan/atau disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 6.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengesahan bagi apa-apa yang disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan yang berkaitan dengan Kempen dan Hadiah Alu-aluan ini.
- 6.7 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan atau penangguhan dalam transmisi apa-apa urusan niaga yang dijalankan melalui PB engage atau Aplikasi atau yang dikesan oleh sistem PBB, yang mungkin menyebabkan Peserta yang Layak terkeluar daripada proses pemilihan semasa Tempoh Kempen.
- 6.8 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain berkenaan dengan atau berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai.
- 6.9 PBB berhak:
 - a) untuk menambah, memotong atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta yang Layak dengan penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dan pindaan terma dan syarat tersebut akan diterima pakai bagi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa pengiklanan bahan promosi Kempen ini;

- b) untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta yang Layak dengan penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi apa-apa dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak berikutan pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut secara langsung atau tidak langsung; dan

- c) untuk menyemak semula kadar faedah promosi di bawah Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Peserta yang Layak dengan penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dan pindaan terma dan syarat tersebut akan diterima pakai bagi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa pengiklanan bahan promosi Kempen ini.

6.10 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

6.11 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat mereka dalam laman web PBB atau di mana-mana cawangan PBB.

Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong
